

A decorative border with a repeating floral or geometric pattern surrounds the central text.

**BAB EMPAT**

## **PENGARUH DAN SUMBANGAN KESENIAN ISLAM**

### **4.1 PENGENALAN**

Setiap peradaban yang telah mencapai kecemerlangan dan kegemilangan contohnya seperti dalam peradaban Barat, India, China dan sebagainya sudah tentu sedikit sebanyak akan mempengaruhi peradaban-peradaban lain. Ini termasuk juga dalam peradaban Islam. Kecemerlangan dan kegemilangan peradaban Islam telah memberi sumbangan yang besar terhadap peradaban dunia, termasuklah di dalam bidang kesenian. Kecemerlangan seni Islam telah mendapat pengiktirafan yang tinggi di mata dunia.

Seni Islam merupakan gabungan atau sintesis unsur-unsur yang berlainan daripada pelbagai kawasan di dalam dunia (Azizan Baharudin,1986:41). Hasil daripada sintesis ini, kesenian Islam telah meninggalkan hasil yang nyata di Asia, Timur Jauh dan Eropah. Malah seni dalam peradaban Islam telah menjadi contoh kepada perkembangan kesenian dalam peradaban lain terutamanya kepada

peradaban Barat. Peranan para seniman Islam juga merupakan faktor yang penting dalam memperkembangkan kesenian ini.

Perbincangan dalam bab ini, akan menyingkap sedikit sebanyak pengaruh kesenian Islam terhadap peradaban dunia dengan melihat kepada penemuan-penemuan yang boleh dijadikan bukti. Pengaruh dan perkembangan kesenian ini juga dilihat di Alam Melayu khususnya di Malaysia.

#### **4.2 PENGARUH DAN SUMBANGAN KESENIAN ISLAM DALAM PERADABAN DUNIA**

Seperti yang disebut sebelum ini, kesenian Islam bukan sahaja meninggalkan kesan terhadap dunia Islam, tetapi juga terhadap peradaban-peradaban yang lain. Kesan ini terdapat dalam peradaban-peradaban yang lain contohnya jelas dan nyata dalam peradaban India, China, Barat dan lain-lain. Para seniman Islam telah memberikan sumbangan yang besar kepada kesenian Islam dalam peradaban dunia. Ini bukan sahaja diakui oleh para sarjana Islam bahkan sarjana-sarjana Barat. H. W. Janson di dalam *Persian Painting in The John Rylands Library* mengatakan:

*" Kesenian Islam mempunyai pengaruh yang mendalam dalam masyarakat Eropah dalam abad pertengahan; pengaruh ornamen arabes, penampilan semula falsafah Greek dan sains melalui tulisan ulama-ulama Islam (Pengaruh ini dapat dilihat dengan jelas pada beberapa perkataan Arab seperti algebra dan alkohol)."*

(Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:161)

Masyarakat Islam telah berjaya membina sebuah empayar bermula dari

abad ke-7 M dan pada abad ke-8 M. Empayar ini telah tersebar dari Sungai Indus di Timur hingga ke Lautan Atlantik di Barat. Dari Laut Arab di Selatan hingga ke Turki dan Pergunungan Caucasus di Utara. Empayar ini juga merangkumi Andalus yang diperintah oleh masyarakat Islam selama 800 tahun (Azizan Baharudin, 1986:84).

Justeru itu, bukti-bukti berupa artifak-artifak telah dijumpai tersebar di merata negara Eropah dan Timur Jauh. Malah kesenian dalam peradaban bangsa lain juga turut terpesona dengan keunikan kesenian Islam sehingga mengambilnya sebagai model. Seni bina, *arabesque*, kaligrafi bukan sahaja tersebar di seluruh dunia Islam, tetapi juga turut melampaui zaman pertengahan di Eropah.

Di sebelah Timur pula, kesenian Islam ini boleh dilihat di negara China dan India. Di China, hasil keseniannya turut dipengaruhi oleh kesenian Islam contohnya di dalam "*Lukisan Persian Miniature*". Selain daripada itu, ia juga turut mempengaruhi lukisan-lukisan yang lain, termasuk juga tembikar dan permaidani (Seyyed Hossein Nasr, 1994:115). Gelas-gelas buatan orang Islam juga banyak yang ditemui di negara China.

Mata wang yang diperbuat dari Perak dari *Byzantium* dan *Empayar Sassanian* pula telah dijumpai pada abad ke-6 di Chang-an iaitu ibu negeri bagi Dinasti T'ang. Tetapi selepas 695-M, mata wang tersebut telah digunakan sebagai alat pertukaran dalam perhubungan antarabangsa (Basil Gray, 1987:19).

Manakala di India pula, kesenian Islam turut diadunkan dengan kesenian Hindu contohnya dalam upacara perkahwinan yang terdapat di *Fatehpur Sikri* (Sayyed Hossein Nasr, 1994:115). Seni bina pula menunjukkan gabungan antara seni bina India (Hindu) dengan seni bina Parsi (Islam) (R. Rajakrishnan dan M. Rajantheran, 1994:131). Pembinaan Taj Mahal yang mempunyai nilai keindahan tinggi telah disenaraikan sebagai salah satu benda ajaib di dunia. Taj Mahal yang dibina menggunakan batu marmar putih telah mengikut gaya seni bina Parsi (Sayyed Hossein Nasr, 1994:131).

Kebangkitan Barat pada zaman *Renaissance*, telah menyebabkan percikan-percikan kesenian Islam ke dalam peradaban Barat. Kesenian Islam telah berkembang seiring dengan penyebaran agama Islam, Perang Salib, melalui Andalus dan juga Sicily. Semasa Perang Salib, khazanah-khazanah Islam telah di bawa balik ke Eropah. Para orientalis barat telah menyedari bahawa selama ini mereka telah kegelapan, lalu mereka membawa ke dunia Barat warisan yang sangat berharga ini (Azizan Baharudin, 1986:84). Contohnya, bidang sastera, muzik, seni bina dan juga kaligrafi.

Dalam keadaan ini juga, Seyyed Hossein Nasr telah menyatakan:

*"Kesenian Barat sehinggalah kelahiran Renaissance terdapat persamaan dengan kesenian Islam....."*

(1994:216)

Antara yang mempengaruhi kesenian Barat adalah seperti Kaligrafi Islam. Khaligrafi Islam telah menunjukkan pengaruh yang begitu kuat dalam

kesenian Barat. Sebanyak 52,000 mata wang Islam telah ditemui di negara-negara Eropah Utara dan di antara yang dibuat sebagai hiasan bertariikh awal abad ke-8M. Kaligrafi ini, terutamanya *khat Kufi* banyak dijumpai dan ia mendapat tempat di kalangan pencipta kesenian Timur di Barat. Salah satu mata wang yang dijumpai di Eropah mempunyai kalimah “*syahadah*” yang dikeluarkan pada tahun 774M. Tulisan kalimah “*syahadah*” tersebut telah ditulis dengan kaligrafi gaya *Kufi* (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:162).

Hiasan kaligrafi juga terdapat pada catan-catan zaman *Renaissance* seperti yang dijelaskan oleh Yassin Hamid Safadi bahawa *robes* dan *haloes* dalam hasil lukisan *Renaissance* yang begitu banyak dihiasi dengan kaligrafi Arab (Y.H Safadi, 1978:128).

Pengaruh kaligrafi Islam juga dapat dilihat pada salah satu pintu “*Cathedral*” di Puy yang telah dihiasi dengan ukiran *Masya’ Allah* (Haider Bammate, 1981:54). Sebuah muzium di Britain pula, terdapat satu salib yang dihiasi di tengahnya dengan ukiran “*Bismillah*” yang bermaksud “*dengan nama Allah*” telah dijumpai (Y.H Safadi, 1978:128).

Dalam perkembangan seni bina pula, seni bina Islam sememangnya telah mendapat tempat di Barat. Banyak seni bina Islam yang telah ditiru oleh Barat dan ia dapat dikesan sejak abad ke 10M di beberapa kawasan di Utara Sepanyol. Antaranya di Leon, Castila, Galicia dan Catolonia (Manja Mohd Ludin & Ahmad

Suhaimi Mohd Nor, 1995:164).

Beberapa bukti jelas bagi menunjukkan kehebatan pengaruh kesenian Islam ini juga dapat dilihat pada pintu gereja di Wastlen-Boulonhous di Perancis Utara. Hiasan pada lingkungan pintu gereja tersebut ditiru dari *bab al-Fatuh* di Kaherah (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:165).

Bentuk menara Masjid Jamik' Amr Ibn al-'As turut mempengaruhi perkembangan seni bina Barat. Di Barat ia dikenali sebagai "*Cairene Building*" iaitu bangunan berunsur Kaherah kerana bentuk ini bermula di situ. Hal ini jelas kelihatan di zaman *Renaissance Campanili* di Italy (Yaacob Yusof, 1983:41).

Satu bentuk seni hias atau dikenali sebagai *arabesque* juga mendapat perhatian seniman-seniman Barat. Coraknya yang tidak terbatas telah digunakan oleh para seniman Barat dalam catan, ukiran barang-barang kemas, bangunan dan lain-lain.

Hiasan *arabesque* ini terdapat di gereja di Sicily apabila pulau itu ditakluki oleh Norman. Para seniman Islam turut diarahkan untuk menghiasi gereja Kristian di pulau itu (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:163). R. Sandler mengatakan bahawa bangunan-bangunan di Barat masih menggunakan ciri hiasan *arabesque* yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan dan lukisan geometri ini (1976:108).

Selain daripada kesenian-kesenian yang disebut di atas, para seniman Islam juga telah mencipta bentuk gelas, tembikar, logam dan tekstil. Gelas-gelas buatan seniman Islam ini banyak ditemui di Sweden dan Rusia Selatan (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:165).

Daripada bukti-bukti yang disebut di atas, jelas menunjukkan bahawa pengaruh kesenian Islam dapat menguasai kesenian dalam peradaban lain terutamanya peradaban Barat. Sehingga seorang sarjana Inggeris, Briffault dalam bukunya "*Making of Humanity*" pula menegaskan bahawa:

*" Tidak ada satu aspek pun dalam pembangunan Eropah yang mana pengaruh Islam tidak dikesan".*

(Rasid Muhammad, 1996:212)

### **5.3 PENGARUH DAN SUMBANGAN SENI PERADABAN ISLAM DI MALAYSIA**

Sejarah kesenian Islam di Malaysia bermula dengan kemasukan Islam di Semenanjung Tanah Melayu sejak abad ke 13M. Sejak itulah kesenian Islam mula berkembang di Malaysia. Ini berikutan dengan penemuan batu bersurat di Kuala Terengganu pada tahun 1889M. Batu bersurat yang bertarikh 1303M (702H) ini merupakan titik tolak bermulanya kesenian yang dibawa oleh orang-orang Islam ke Alam Melayu ini (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:168).




Kaligrafi Islam yang menjelaskan hukum syarak pada batu tersebut menandakan titik permulaan pengkajian berhubung dengan pengaruh kaligrafi (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:168). Selain itu, penemuan batu-batu nisan juga dapat mengukuhkan lagi bukti bahawa khaligrafi Islam (contoh batu nisan seperti di lampiran 5) telah digunakan di Alam Melayu ini. Sebagai contoh, di Keramat Sungai Udang, terdapat batu yang berbentuk empat persegi yang menandakan tarikh meninggal dunia Sheikh Ahmad Mokhtar Ibni Marfu Talani pada 872H/1467-68M. Pada ke empat-empat permukaan batu ini terukir khat dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan bukan Melayu, termasuk “*Bismillah*”, terbentuk dengan cara dan ruang yang elok. Khat ini terbentuk bulat diukir dengan cara timbulan rendah dan gaya yang menarik (Syed Ahmad Jamal, 1982:50-51).

Begitu juga penemuan batu nisan bertarikh 419H di Pekan, Pahang pada bulan Jun 1953 menunjukkan penggunaan kaligrafi itu telah lama bermula. Tulisan pada batu nisan itu dinukilkan daripada ayat-ayat Al-Qur’an dan syair dengan gaya *Thuluth*. Mohd Mokhtar bin Shafie menjelaskan:

*“Mengenai tulisan yang terdapat di atas ke dua-dua batu nisan tersebut, dan cara is dibuat serta bentuk batu nisan itu sendiri yang mempunyai nilai-nilai seni, dengan ukiran tulisan yang sangat baik dapat menunjukkan kepada kita bahawa si mati tentulah seorang yang mempunyai kedudukan”.* (1980:16)

Penggunaan kaligrafi Islam tidak terbatas pada permukaan batu bersurat dan batu nisan semata-mata. Malah, penggunaannya semakin meluas apabila tulisan jawi di Alam Melayu dibentuk berdasarkan dari kaedah kaligrafi

Islam (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995:169). Tulisan jawi yang digunakan di Alam Melayu berasaskan khat Arab dengan tambahan empat huruf iaitu (Aziz Deraman, 1978:8):  telah memperkayakan lagi bidang seni khat ini di Malaysia.

Selain daripada khat yang terdapat di batu-batu nisan, orang Melayu juga telah menunjukkan kehandalan mereka dengan mengukir tulisan khat di atas kayu, logam dan sebagainya. Pengukir-pengukir ini menghasilkan bentuk-bentuk yang berasaskan tumbuh-tumbuhan yang kemudiannya diadun dengan ayat-ayat suci Al-Qur'an. Ukiran-ukiran tersebut menggunakan ukiran timbul atau tebukan tembus, tebukan timbul silang yang disusun dalam bentuk persegi atau bujur, melintang atau membujur pada dinding rumah, istana dan masjid (Syed Ahmad Jamal, 1982:52).

Kemahiran dan keunikan yang terdapat pada orang Melayu juga dapat menghasilkan tenunan yang indah seperti songket dan kain limar di mana ayat-ayat suci digunakan sebagai motif corak kain tenunan itu. Khat juga digunakan pada lembaran kain untuk kegunaan yang tertentu seperti memberi kuasa perlindungan dan sebagainya. Pada tahun 1975, seni khat mula digunakan pada songket sebagai hiasan (Syed Ahmad Jamal, 1982:52).

Dalam memperkatakan pengaruh kesenian Islam di Malaysia, satu lagi unsur kesenian Islam iaitu seni bina tidak boleh dilupakan. Walaupun kedatangan

Islam ke alam Melayu tidak berjaya menghapuskan seratus peratus warisan seni Hindu-Buddha, tetapi berasaskan seni ini, Islam telah berjaya membina seni binanya yang tersendiri yang agak unik bagi rantau ini.

Sejak dari itu, satu demi satu bangunan seni bina Islam yang paling utama iaitu masjid telah didirikan (Syed Ahmad Jamal, 1982:170). Di Semenanjung Tanah Melayu, masjid yang pertama didirikan ialah Masjid Kampung Laut yang terletak di Kampung Laut, Kelantan. Berhubung dengan pembinaannya setengah pendapat mengatakan ia dibina oleh alim ulama dari Jawa (Abdul Halim Nasir, 1984:14).

Othman Mohd Yatim dalam *Islamic Arts In Malaysia* mengatakan, kebanyakan masjid yang awal di alam Melayu menggunakan bumbung yang cerun bertangkup tiga atau lima. Bentuk ini luas di bahagian bawah dan tirus di bahagian atas (1983:45).

Selain daripada masjid, bangunan-bangunan awam turut sama dipengaruhi oleh seni bina Islam. Antaranya Bangunan Sultan Abdul Samad, Stesen Keretapi Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ibu Pejabat KTM, bangunan Tabung Haji dan lain-lain. (Contoh seperti di lampiran 6)

Pengaruh kesusasteraan Islam juga tidak ketinggalan di Malaysia. Memang tidak dinafikan bahawa memang wujudnya wajah Islam dalam kesusasteraan Melayu. Berdasarkan tulisan yang terdapat pada beberapa batu

bersurat yang ditemui di Alam Melayu pada zaman Srivijaya membuktikan bahawa bahasa Melayu sudah menjadi bahasa sastera, ilmu, falsafah, pentadbiran dan perhubungan sejak abad ketujuh lagi (Ismail Hussein, 1993). Justeru itu, kedatangan Islam telah memantapkan lagi martabat bahasa Melayu ke arah pengungkapan sesuatu yang bersifat ilmiah. Ia terus menjadi bahasa yang membicarakan persoalan metafizik, falsafah dan ilmiah.

Sebelum kedatangan Islam, sastera Melayu adalah sebagai sumber hiburan tetapi selepas kedatangan Islam selain dari hiburan ia juga berfungsi untuk mendidik masyarakat (Rasid Muhamad, 1993:41). Ribuan kitab yang menyampaikan cita rasa ilmiah dalam bentuk pengajaran wahyu oleh ulama kita dan ribuan hikayat Melayu yang menyampaikan cita rasa estetika seni kretif Melayu, dalam bentuk syair, nazam atau ruba`i seperti yang ditulis oleh Hamzah Fansuri yang bertemakan tasawuf dan falsafah, Syaikh Ahmad al-Patani, Syed Muhammad b. Syed Zainal Abidin (Tok Ku Tuan Besar), Haji Zainal Banggul, Syaikh Sihabuddin dan lain-lain lagi (Dr Syed Othman Syed Omar, 1999:7).

Bermula pada tahun 1876, muncul pula bentuk baru dalam hasil penulisan kreatif baru iaitu Novel. Keupayaan bahasa Melayu menyampaikan cita rasa ilmiah dan estetika kreatif ini memperlihatkan juga kepelbagaian dan keragaman ilmu dan seni sebagai kesepaduan yang wujud dalam diri pengarang Melayu. Perkembangan ini amat menarik kerana seluruhnya memperlihatkan wajah Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung (Dr Syed Othman Syed Omar,

1999:7).

Semua novel, cerpen, sajak dan drama menukilkan semangat dan pemikiran Islam yang tinggi dan bersifat akhiah. Ia membawa cita-cita dan semangat Islam, yang tergolong dalam karya sastra dan kesusasteraan Islam. Tetapi apa yang nyata, selepas kedatangan Islam, tema sastra berubah dari membicarakan tentangan dewa-dewa dan pengaruh Hindu ke arah tema-tema yang bercorakkan keislaman. Ini telah menunjukkan tahap pemikiran yang tinggi di kalangan sasterawan Melayu.

Sebenarnya kedatangan Islam ke Alam Melayu ini, bukan sahaja membawa rahmat dan perubahan kepada masyarakat Melayu, tetapi juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesenian di Malaysia. Pengaruhnya yang cukup besar telah mengubah pegangan masyarakat Melayu ke arah cintakan kesenian yang berlandaskan syariat islamiah.